

Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya ia (orang mati) diseksa kerana kesalahan dan dosanya. Sedang ahli keluarganya (pula) menangisnya.” Kata `Aaishah (lagi): “Keadaannya sama seperti katanya (Ibnu `Umar) ketika Baginda berdiri di tepi telaga buruk yang dilontarkan ke dalamnya orang-orang musyrikin yang terbunuh di Badar. Rasulullah s.a.w. berkata kepada mereka apa yang telah dikatanya, bahawa mereka benar-benar mendengar apa yang sedang aku katakan.” Sesungguhnya Nabi s.a.w. maksudkan dengan kata-katanya itu bahawa mereka sekarang benar-benar mengetahui apa yang pernah aku katakan dahulu adalah betul.” Kemudian beliau (`Aaishah) membaca (firman Allah di dalam surah an-Naml:80 yang bermaksud): *Sesungguhnya engkau tidak dapat menjadikan orang-orang yang mati itu mendengar.* (dan firman Allah di dalam Surah Fathir:22 yang bermaksud): *dan (engkau wahai Muhammad) tidak dapat*

فَإِنْ مِتُّ فَأَنْعِثْنِي بِمَا أَنَا أَهْلُهُ ۖ وَشَقِيَّ عَلَيَّ الْجَيْبُ يَا ابْنَةَ مَعْبَدٍ

Bermaksud: Andainya aku mati, ratapilah aku dengan ratapan yang layak denganku. Koyaklah kolar bajumu keranaku wahai anak perempuan Ma'bad.

Pendapat ini juga mengguna pakai qaedah ta'wil. **Berkenaan dengan menangis semata-mata** - *nota 24* tanpa meraung dan ada unsur-unsur ratapan kerana kematian seseorang, itu adalah suatu yang harus dengan kesepakatan para 'ualma'. Banyak sekali terdapat dalil-dalil berupa hadits yang menunjukkan keharusannya. Antaranya ialah: (1) Hadits Anas ini: *أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَى جَعْفَرًا* Bermaksud: “Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah memberitahu tentang kesyahidan Ja'far dan Zaid sebelum sampai berita kematian mereka, dalam keadaan meleleh air mata dari kedua mata Baginda s.a.w.” (Hadits riwayat al-Bukhari). (2) Hadits Ibnu `Umar, katanya: *اشْتَكَى سَعْدُ بْنُ عُبَادَةَ شَكَايَ لَهُ فَأَتَاهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعُودُهُ مَعَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ وَسَعْدُ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ فَلَمَّا دَخَلَ عَلَيْهِ فَوَجَدَهُ فِي غَائِثِيَةِ أَهْلِهِ فَقَالَ قَدْ قَضَى قَالُوا لَا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَبَكَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا رَأَى الْقَوْمَ بُكَاءَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَكَوْا فَقَالَ أَلَا تَسْمَعُونَ إِنَّ اللَّهَ لَا يُعَذِّبُ بِدَمْعِ الْعَيْنِ وَلَا بِخُزْنِ الْقَلْبِ وَلَكِنْ يُعَذِّبُ بِهِذَا وَأَشَارَ إِلَى لِسَانِهِ أَوْ بِرَحْمٍ وَإِنَّ الْمَيِّتَ يُعَذِّبُ بِبُكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ* Bermaksud: Pernah Sa'ad bin `Ubaadah sakit. Rasulullah s.a.w. pergi menziarahinya bersama-sama dengan `Abdur Rahman bin `Auf, Sa'ad bin Abi Waqqaash dan `Abdullah bin Mas'ud r.a. Apabila masuk ke rumahnya, Nabi s.a.w. mendapati beliau dikerumuni ahli keluarganya. Terus Baginda s.a.w. bertanya: “Dia sudah mati?” Jawab mereka: “Tidak, wahai Rasulullah!” Maka menangislah Rasulullah s.a.w. Apabila orang ramai melihat Nabi s.a.w. menangis, mereka turut menangis. Lalu Baginda s.a.w. berkata: “Tak dengarkah? Sesungguhnya Allah tidak menyiksa dengan sebab keluar air mata. Tidak juga Dia menyiksa dengan sebab kesedihan hati. Tetapi Dia menyiksa dengan sebab ini. Sambil Baginda s.a.w. mengisyaratkan kepada lidahnya atau Dia mengasihani (dengan sebabnya). Sesungguhnya si mati diseksa kerana tangisan ahli keluarganya terhadapnya.” (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim). Hadits ini jelas menunjukkan bukan semua bentuk tangisan terlarang dan menyebabkan si mati terseksa. Yang terlarang dan menyebabkan si mati terseksa hanyalah tangisan yang disertai ratapan atau lolongan dan raungan yang melampau-lampau.

menjadikan orang-orang yang di dalam kubur mendengar. Katanya ('Urwah atau 'Aaishah), ketika mereka masing-masing telah mengambil tempat di neraka.

٣٩٧٩- حَدَّثَنِي عُثْمَانُ حَدَّثَنَا عَبْدُهُ عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ وَقَفَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى قَلْبٍ بَدْرٍ فَقَالَ هَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا ثُمَّ قَالَ إِنَّهُمْ الآنَ يَسْمَعُونَ مَا أَقُولُ فَذِكْرٌ لِعَائِشَةَ فَقَالَتْ إِنَّمَا قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّهُمْ الآنَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّ الَّذِي كُنْتُ أَقُولُ لَهُمْ هُوَ الْحَقُّ ثُمَّ قَرَأَتْ إِنَّكَ لَا تُسْمِعُ الْمَوْتَى حَتَّى قَرَأَتْ الْآيَةَ

3979- 'Utsman (bin Abi Syaibah, Ibrahim al-Kufi m.239H) meriwayatkan kepadaku, katanya: 'Abdah (bin Sulaiman m.188H) meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam daripada ayahnya daripada Ibnu 'Umar r.a. Kata beliau: "Rasulullah s.a.w. berdiri di tepi telaga buruk di Badar. Lalu Baginda s.a.w. berkata: "Sudahkah kamu dapati benar apa yang dijanjikan kepadamu oleh Tuhanmu?" Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya mereka sekarang⁸⁷ sedang mendengar apa yang aku katakan." Cerita Ibnu 'Umar itu disebutkan di hadapan 'Aaishah. Beliau lantas berkata: "Sebenarnya Rasulullah s.a.w. makasudkan: "Sesungguhnya mereka sekarang sedang mengetahui memang benar apa yang selama ini aku katakan kepada mereka." Kemudian beliau

⁸⁷ Perkataan "sekarang" membuktikan bahawa kemampuan mendengar pada ketua-ketua kafir Quraisy yang telah terbunuh dalam perang Badar dan dicampakkan ke dalam telaga buruk di situ adalah sesuatu yang menyalahi adat sebagai suatu mu'jizat kepada Rasulullah s.a.w. Ia tidak berlaku secara berterusan dan buat selama-lamanya. Ia hanya berlaku pada ketika itu sahaja. Lihat bagaimana Nabi s.a.w. mengaitkan kemampuan mendengar mereka dengan kata Baginda "sekarang". Bukankah ia dengan jelas memberi erti kemampuan mendengar itu diberi Allah kepada mereka pada ketika itu sahaja. Hikmatnya ialah untuk menyatakan mu'jizat RasulNya. Sabda Nabi s.a.w. bahawa: يَسْمَعُونَ مَا أَقُولُ (mereka mendengar apa yang aku katakan), bukan يَسْمَعُونَ مَا يُقَالُ لَهُمْ (mereka mendengar apa yang dikatakan (oleh sesiapa saja) kepada mereka) jelas menunjukkan apa yang berlaku dalam peristiwa tersebut adalah khusus dengan Nabi s.a.w. dan ia berlaku sebagai mu'jizat kepada Baginda. Oleh itu tidak boleh sama sekali ia diqiaskan untuk orang-orang lain. Bagi penulis, sebenarnya tidak ada khilaf yang mendasar di antara para sahabat dalam perkara ini, baik di antara Ibnu 'Umar dan 'Aaishah sekalipun. Ibnu 'Umar mungkin sekali telah memahami daripada qaid "sekarang" yang disebutkan oleh Rasulullah di dalam hadits yang diriwayatkannya ini dengan erti kemampuan mendengar bukan umum untuk semua orang mati dan bukan untuk selama-lamanya. Ia diberikan oleh Allah kepada manusia-manusia tertentu, baik muslim atau kafir dalam keadaan tertentu dan pada ketika-ketika tertentu pula untuk menyatakan sesuatu hikmatNya.

membaca (firman Allah di dalam surah an-Naml:80 yang bermaksud): *Sesungguhnya engkau tidak dapat menjadikan orang-orang yang mati itu mendengar.* Sehingga ke akhir ayat.

٩- باب فضل من شهد بدرًا

٩ - Bab : Kelebihan Orang Yang Ikut Serta Dalam Peperangan Badar.⁸⁸

٣٩٨٠- حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ بْنُ عَمْرِو حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَاقَ عَنْ حُمَيْدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ أُصِيبَ حَارِثَةُ يَوْمَ بَدْرٍ وَهُوَ غُلَامٌ فَجَاءَتْ أُمُّهُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَدْ عَرَفْتَ مَنْزِلَةَ حَارِثَةَ مِنِّي فَإِنْ يَكُنْ فِي الْجَنَّةِ أَصْبِرْ وَأَحْتَسِبْ وَإِنْ تَكُ الْأُخْرَى تَرَى مَا أَصْنَعُ فَقَالَ وَيْحَكَ أَوْهَيْلَتِ أَوْجَنَةً وَاحِدَةً هِيَ إِنَّهَا جَنَانٌ كَثِيرَةٌ وَإِنَّهُ فِي جَنَّةِ الْفِرْدَوْسِ

3980- `Abdullah bin Muhammad (al-Musnadi m.229H) meriwayatkan kepadaku, katanya: Mu'aawiah bin `Amar (al-Azdi m.214H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Ishaq (Ibrahim bin Muhammad bin al-Haarits al-Fazaari m.186H) meriwayatkan kepada kami daripada Humaid (at-Thawil m.143H), katanya: Saya telah mendengar Anas bercerita: "Haaritsah yang masih muda belia terbunuh pada hari Badar.⁸⁹ Ibunya datang

⁸⁸ Maksud Bukhari mengadakan bab ini bukan sekadar hendak menyatakan kelebihan para sahabat yang telah ikut serta dalam peperangan Badar bersama Rasulullah s.a.w., malah maksudnya ialah untuk menyatakan kelebihan ahli Badar daripada sekalian sahabat yang lain.

⁸⁹ Nama dan salasilah keturunan beliau selengkapnyalah Haaritsah bin Suraaqah bin Haarits bin `Adi bin Najjaar al-Anshaari. Haaritsah terbunuh kerana terkena anak panah sesat di halkumnya ketika sedang minum air di sebuah kolam di Badar. Beliaulah orang Anshar pertama yang terbunuh di dalam perang Badar. Haaritsah pada ketika itu sedang bertugas sebagai salah seorang daripada pasukan peninjau. Beliau dipanah oleh seorang Quraisy yang bernama Hibbaan bin al-`Ariqah. Hibbaan bin al-`Ariqah inilah juga yang telah memanah Sa'ad bin Mu'aaz di dalam perang Khandaq. Anak panahnya mengenai urat nadi di lengan Sa'ad. Akibatnya Sa'ad meninggal dunia sebulan selepas perang Khandaq. Suraaqah, ayahanda Haaritsah juga seorang sahabat Nabi s.a.w. Beliau telah syahid dalam peperangan Hunain. Emak Haaritsah bernama Rubaiyyi' binti an-Nadhr. Rubaiyyi' adalah emak saudara Anas bin Malik r.a. sebelah ayah. Ini bermakna Haaritsah adalah sepupu Anas.

membaca (firman Allah di dalam surah an-Naml:80 yang bermaksud): *Sesungguhnya engkau tidak dapat menjadikan orang-orang yang mati itu mendengar.* Sehingga ke akhir ayat.

٩-باب فضل من شهد بدرًا

9 – Bab : Kelebihan Orang Yang Ikut Serta Dalam Peperangan Badar.⁸⁸

٣٩٨٠- حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ بْنُ عَمْرٍو حَدَّثَنَا أَبُو إِسْحَاقَ عَنْ حُمَيْدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ أُصِيبَ حَارِثَةُ يَوْمَ بَدْرٍ وَهُوَ غُلَامٌ فَجَاءَتْ أُمُّهُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَدْ عَرَفْتَ مَنْزِلَةَ حَارِثَةَ مِنِّي فَإِنْ يَكُنْ فِي الْجَنَّةِ أَصْبِرْ وَأَحْتَسِبْ وَإِنْ تَكُ الْأُخْرَى تَرَى مَا أَصْنَعُ فَقَالَ وَيْحَكَ أَوْهَيْلَتِ أَوْجَنَةً وَاحِدَةً هِيَ إِنَّهَا جَنَانٌ كَثِيرَةٌ وَإِنَّهُ فِي جَنَّةِ الْفِرْدَوْسِ

3980- `Abdullah bin Muhammad (al-Musnadi m.229H) meriwayatkan kepadaku, katanya: Mu`aawiah bin `Amar (al-Azdi m.214H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Ishaq (Ibrahim bin Muhammad bin al-Haarits al-Fazaari m.186H) meriwayatkan kepada kami daripada Humaid (at-Thawil m.143H), katanya: Saya telah mendengar Anas bercerita: “Haaritsah yang masih muda belia terbunuh pada hari Badar.”⁸⁹ Ibunya datang

⁸⁸ Maksud Bukhari mengadakan bab ini bukan sekadar hendak menyatakan kelebihan para sahabat yang telah ikut serta dalam peperangan Badar bersama Rasulullah s.a.w., malah maksudnya ialah untuk menyatakan kelebihan ahli Badar daripada sekalian sahabat yang lain.

⁸⁹ Nama dan salasilah keturunan beliau selengkapnya ialah Haaritsah bin Suraaqah bin Haarits bin `Adi bin Najjaar al-Anshaari. Haaritsah terbunuh kerana terkena anak panah sesat di halkumnya ketika sedang minum air di sebuah kolam di Badar. Beliaulah orang Anshar pertama yang terbunuh di dalam perang Badar. Haaritsah pada ketika itu sedang bertugas sebagai salah seorang daripada pasukan peninjau. Beliau dipanah oleh seorang Quraisy yang bernama Hibbaan bin al-`Ariqah. Hibbaan bin al-`Ariqah inilah juga yang telah memanah Sa`ad bin Mu`aaz di dalam perang Khandaq. Anak panahnya mengenai urat nadi di lengan Sa`ad. Akibatnya Sa`ad meninggal dunia sebulan selepas perang Khandaq. Suraaqah, ayahanda Haaritsah juga seorang sahabat Nabi s.a.w. Beliau telah syahid dalam peperangan Hunain. Emak Haaritsah bernama Rubaiyyi` binti an-Nadhr. Rubaiyyi` adalah emak saudara Anas bin Malik r.a. sebelah ayah. Ini berma`na Haaritsah adalah sepupu Anas.

٣٩٨١ - حَدَّثَنِي إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ إِدْرِيسَ قَالَ سَمِعْتُ حُصَيْنَ بْنَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ سَعْدِ بْنِ عُبَيْدَةَ عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ السُّلَمِيِّ عَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَا مَرْثَدَةَ الْعَنَوِيَّ وَالزُّبَيْرَ بْنَ الْعَوَّامِ وَكُنَّا فَارِسٌ قَالَ انْطَلِقُوا حَتَّى تَأْتُوا رَوْضَةَ خَاحٍ فَإِنَّ بِهَا امْرَأَةً مِنَ الْمُشْرِكِينَ مَعَهَا كِتَابٌ مِنْ حَاطِبِ بْنِ أَبِي بَلْتَعَةَ إِلَى الْمُشْرِكِينَ فَأَذْرِكْنَاهَا تَسِيرُ عَلَى بَعِيرٍ هَا حَيْثُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْنَا الْكِتَابُ فَقَالَتْ مَا مَعَنَا كِتَابٌ فَأَخْجَنَاهَا فَالْتَمَسْنَا فَلَمْ نَرِ كِتَابًا فَقُلْنَا مَا كَذَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَتُخْرِجَنَّ الْكِتَابَ أَوْ لَتُجَرِّدَنَّكِ فَلَمَّا رَأَتْ الْجِدَّةَ أَهْوَتْ إِلَى حُجْرَتِهَا وَهِيَ مُحْتَجِزَةٌ بِكِسَاءٍ فَأَخْرَجَتْهُ فَانْطَلَقْنَا بِهَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ عُمَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَدْ خَانَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنِينَ فَدَعَنِي فَلَا ضَرْبَ عُقَّةٍ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا حَمَلَكَ عَلَى مَا صَنَعْتَ قَالَ حَاطِبٌ وَاللَّهِ مَا بِي أَنْ لَا أَكُونَ مُؤْمِنًا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرَدْتُ أَنْ يَكُونَ لِي عِنْدَ الْقَوْمِ يَدٌ يَدْفَعُ اللَّهُ بِهَا عَنْ أَهْلِي وَمَالِي وَلَيْسَ أَحَدٌ مِنْ أَصْحَابِكَ إِلَّا لَهُ هُنَاكَ مِنْ عَشِيرَتِهِ مَنْ يَدْفَعُ اللَّهُ بِهِ عَنْ أَهْلِهِ وَمَالِهِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدَقَ وَلَا تَقُولُوا لَهُ إِلَّا خَيْرًا فَقَالَ عُمَرُ إِنَّهُ قَدْ خَانَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنِينَ فَدَعَنِي فَلَا ضَرْبَ عُقَّةٍ فَقَالَ أَلَيْسَ مِنْ أَهْلِ بَدْرٍ فَقَالَ لَعَلَّ اللَّهَ أَطَّلَعَ إِلَى أَهْلِ بَدْرٍ فَقَالَ ااعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ فَقَدْ وَجِبَتْ لَكُمْ الْجَنَّةُ أَوْ فَقَدْ غَفَرْتُ لَكُمْ فَدَمَعَتْ عَيْنَا عُمَرَ وَقَالَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ

3981- Ishaq bin Ibrahim (bin Rahawaih al-Handzali m.238H) meriwayatkan kepadaku, katanya: `Abdullah bin Idris (bin Yazid al-Audi m.192H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Aku telah mendengar Hushain bin `Abdir Rahman (as-Sulami al-Kufi m.163H) meriwayatkan daripada Sa`ad bin `Ubaidah (as-Sulami) daripada Abi `Abdir Rahman as-Sulami daripada `Ali (bin Abi Thalib) r.a. katanya: "Rasulullah s.a.w. menghantarkan aku

seseorang yang bercakap atau bertindak tak keruan. (9) Syurga ada banyak. Yang teristimewa daripadanya ialah Syurga al-Firdaus. (10) Roh para syuhada' terus masuk syurga sebaik saja terpisah dari tubuh tuannya. (11) Manusia mungkin melakukan apa saja, walaupun yang terlarang apabila `aqlnya hilang. (12) Antara Sunnah Rasulullah s.a.w. ialah bersimpati dengan orang yang dirundung malang. (13) Apabila seseorang yang baik menggunakan perkataan yang mempunyai beberapa ma`na. Ada ma`nanya yang baik dan ada juga ma`nanya yang tidak baik, anda haruslah memakai perkataan itu dengan ma`nanya yang baik sesuai dengan orang yang mengucapkannya.

bersama Aba Martsad al-Ghanawi dan az-Zubair bin al-`Awwaam.<sup>94</sup> Semua kami berkuda. Kata Nabi s.a.w.: “Pergilah kamu sehingga sampai ke Raudah Khakh.<sup>95</sup> Di sana akan ada seorang perempuan musyrikin.<sup>96</sup> Bersamanya ada sepucuk surat daripada Haathib bin Abi Balta`ah kepada orang-orang musyrikin (Mekah).⁹⁷ Kami mendapati perempuan berkenaan sedang mengenderai unta di tempat yang telah disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. Kata kami kepadanya: “Surat!.” Kata perempuan itu: “Tidak ada apa-apa surat pada saya.” Setelah mendudukan untanya, kami memeriksanya tetapi tidak kami temui apa-apa surat. Kata kami: “Rasulullah s.a.w. tentu tidak berdusta. Sama ada engkau keluarkan surat itu atau kami telanjangkanmu!” Bila dia melihat kami betul-betul serius, barulah dia mengeluarkannya daripada tempat mengikat tali pinggangnya.⁹⁸ Lalu kami membawanya kepada Rasulullah s.a.w. Maka berkatalah `Umar: “Wahai Rasulullah! Dia telah mengkhianati Allah, RasulNya dan orang-orang mu`min. Biarkan saya memenggal lehernya.” Rasulullah s.a.w. pun bertanya (Haathib): “Apakah yang mendorongmu melakukan begitu? Jawab Haathib: “Demi Allah! Bukanlah kerana saya

⁹⁴ Di dalam Kitab al-Jihad Sahih Bukhari tersebut satu lagi nama orang yang diutus Rasulullah s.a.w. untuk misi ini. Beliau ialah Miqdaad bin al-Aswad r.a. Jadi mereka empat orang semuanya.

⁹⁵ Nama satu tempat di antara Mekah dan Madinah. Ia terletak sejauh 12 batu dari Madinah.

⁹⁶ Menurut pendapat yang masyhur, perempuan itu bernama Sarah. Sesetengah `ualma` mengatakan Haathib telah mengupahnya sebanyak satu dinar. Sesetengah yang lain pula mengatakan sebanyak dua belas dinar.

⁹⁷ Antara ketua kafir Quraisy yang ditujukan surat berkenaan ialah Shafwaan bin Umaiyyah, Suhail bin `Amar dan `Ikrimah bin Abi Jahal. Di dalam surat itu Haathib menceritakan tentang pergerakan Nabi s.a.w. dari Madinah ke Mekah bersama sekian ramai para sahabatnya dengan tujuan mena`luk Mekah.

⁹⁸ Di dalam sesetengah riwayat tersebut surat itu disembunyikannya di dalam jalinan rambutnya. Sedangkan di sini tersebut surat itu disembunyikannya di tempat mengikat tali pinggangnya. Mana satu daripadanya yang betul? Dua riwayat berhubung dengan perkara yang sama sekarang kelihatan bertentangan. Maka apakah penyelesaiannya? Para `ualma` mengemukakan empat pandangan untuk menghilangkan pertentangan berkenaan. (1) Mula-mula surat itu disembunyikan di dalam jalinan rambut. Kemudian ia dipindahkan ke tempat mengikat tali pinggang. Atau mungkin juga sebaliknya. (2) Mungkin juga ada dua pucuk surat pada perempuan itu. Satu daripadanya disembunyikan di dalam jalinan rambut. Satu lagi disembunyikan di tempat mengikat tali pinggang. (3) Hujzah dipakai dengan erti tempat tersembunyi secara mutlaq. Sama ada di dalam jalinan rambut atau di tempat mengikat tali pinggang. (4) Rambut perempuan itu sangat panjang. Surat sebenarnya disembunyikan di hujung jalinan rambutnya. Hujung jalinan rambutnya yang berisi surat itu pula disembunyikannya di tempat mengikat tali pinggang. Jadi kedua-dua riwayat benar. Sama ada yang menyebutkan surat itu dikeluarkannya dari jalinan rambut atau yang menyebutkan ia dikeluarkannya dari tempat mengikat tali pinggang.